



seminar dan pameran  
**system penyelesaian  
elektronik 2010**  
Transformasi Perniagaan melalui e-dagang

16 MAC 2010 (SELASA) • GRAND DORSETT SUBANG HOTEL  
8.30 PAGI – 5.00 PETANG



**Perbadanan Produktiviti Malaysia**  
*Transformation • Innovation • Partnership*

 Toll Free: 1-800-88-1140  [www.mpc.gov.my](http://www.mpc.gov.my)

## PENGENALAN

Selaras dengan hasrat kerajaan dalam Pelan Induk Perindustrian ke-3 (IMP3) yang menasaskan 10,000 *e-enabled* enterprais kecil dan sederhana (EKS) menjelang tahun 2010, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan menganjurkan Seminar dan Pameran Sistem Penyelesaian Elektronik 2010 pada 16 Mac 2010 bertempat di Grand Dorsett Subang Hotel. Program ini terbahagi kepada dua iaitu "Seminar Sistem Penyelesaian Elektronik 2010" dan "Pameran Sistem Penyelesaian Elektronik 2010" yang akan memberi pendedahan kepada EKS dalam teknologi Internet dan ICT.

## OBJEKTIF

- (a) Mendedahkan EKS kepada e-dagang bagi meningkatkan daya saing perniagaan melalui perkongsian kejayaan amalan e-dagang di kalangan EKS; dan
- (b) Menyediakan platform yang menemukan EKS dengan enterprais yang memberikan perkhidmatan penyelesaian elektronik.

## FAEDAH

Di akhir nanti, para peserta akan:

- (a) Memahami keperluan mempunyai dan mengekalkan laman web sendiri secara aktif;
- (b) Berkebolehan untuk mereka bentuk dan mengubah suai corak perniagaan melalui aplikasi teknologi-teknologi yang ada; dan
- (c) Meningkatkan strategi pemasaran barangan dan perkhidmatan dengan menggunakan aplikasi-aplikasi ICT yang terkini, mudah dan cekap.

Seminar dan pameran ini menasaskan seramai 1,000 pengunjung termasuk 150 peserta seminar, terdiri dari pemilik dan ahli pengurusan enterprais kecil dan sederhana dengan penyertaan secara jemputan.

Di samping berkongsi pengalaman dalam perniagaan yang menggunakan teknologi Internet, pelbagai jenis perkhidmatan dan aplikasi ICT juga turut akan ditawarkan oleh pembekal perkhidmatan dengan harga yang menarik.

## SIAPA YANG PATUT HADIR?

1. Pengusaha-pengusaha EKS yang ingin meningkatkan daya saing perniagaan mereka;
2. Pegawai-pegawai pembangunan dari agensi kerajaan yang terlibat dalam membantu EKS;
3. Pengurus IT atau penyelia yang dipertanggungjawabkan untuk membangun dan mengurus laman web syarikat serta pengurus-pengurus yang bertanggungjawab mempromosikan barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan; dan
4. Orang ramai yang berminat dengan aplikasi-aplikasi ICT.

## CARA-CARA MENDAFTAR

Pendaftaran terbuka kepada dua (2) kategori, iaitu:

- (a) Peserta seminar; dan
- (b) Pelawat pameran.

Seminar adalah terhad kepada 150 peserta pertama yang berdaftar. Sila lengkapkan borang penyertaan dan hantar/faks ke MPC pada atau sebelum 9 Mac 2010.

## ATURCARA PROGRAM

8.30 am	Pendaftaran peserta
9.00 am	<b>Perasmian Seminar dan Pameran Sistem Penyelesaian Elektronik 2010</b> En. Mohd Razali Hussain Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia
9.15 am	<b>Kertas 1: Overview of E-Commerce among SMEs in Malaysia</b> En. Ab. Rahim Yusoff Pegarah Kanan Jabatan Inovasi Perkhidmatan Perbadanan Produktiviti Malaysia
10.00 am	<b>Kertas 2: E-Commerce for SME Advantage</b> Ir. Aziz Ismail Ketua Pegawai Eksekutif Authentic Venture Sdn Bhd
10.45 am	<b>Kertas 3: Business from Home</b> Pn. Dayang Lily Maznah Abang Muas Pegarah Urusan Ummiku Sayang Sdn Bhd
11.30 pm	Lawatan Pameran
2.15 pm	<b>Kertas 4: Online Marketing</b> En. Jeffri Shahul Hamid Ketua Pegawai Eksekutif Teneo Technologies Sdn Bhd
3.00 pm	<b>Kertas 5: How to Build Brand and Online Revenue Using Social Media and Search Engine Strategies</b> En. Harrace Lau Ketua Perunding eOneNet.com, Hong Kong
5.00 pm	Penutup

## MAKLUMAT LANJUT

Sila hubungi:

**Puan Hafizah Sith**

E-mel: hafizahsith@mpc.gov.my Tel: 03-7951 2428

**Puan Norashima Hamzah**

E-mel: norashima@mpc.gov.my Tel: 03-7951 2387

## PROFIL PENCERAMAH



### En. Ab. Rahim Yusoff

Pengarah Kanan  
Jabatan Inovasi Perkhidmatan  
Perbadanan Produktiviti Malaysia

Telah berkhidmat di MPC lebih 26 tahun dan telah menghadiri pelbagai kursus dalam dan luar negara berkaitan dengan produktiviti, kualiti dan daya saing. Selama tempoh berkhidmat dengan MPC, beliau telah memegang beberapa jawatan penting seperti Pengarah MPC Wilayah Sarawak, Setiausaha Lembaga Pengarah MPC, Pengarah Bahagian Amalan Terbaik dan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Kewangan.

#### Sorotan Pembentangan

Beliau akan membentangkan hasil kajian terkini MPC berkaitan status amalan e-dagang di kalangan EKS di Malaysia. Kajian ini belum pernah dijalankan sebelum ini dan peserta akan mengetahui sejauh mana EKS di negara ini mengamalkan e-dagang.



### En. Jeffri Shahul Hamid

Ketua Pegawai Eksekutif  
Teneo Technologies Sdn Bhd

Berpengalaman lebih 11 tahun dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi. Beliau merupakan pengasas aplikasi WebLITE, iaitu aplikasi penyelesaian Internet. Telah menjalankan siri kajian berasaskan Internet dengan meluas. Menerima anugerah-*'Best Commercialisation'* menerusi sistem penyelesaian Internet-WebLITE.

#### Sorotan Pembentangan

Beliau akan membentangkan kaedah pemasaran secara *online* dengan menekankan kepada pemasaran massa seperti asas kepada pengurusan data serta bagaimana untuk mengendalikannya dengan berkesan termasuk penggunaan pelbagai laporan untuk analisis prestasi pemasaran.



### En. Harrace Lau

Ketua Perunding  
eOneNet.com, Hong Kong

Beliau ialah Pengasas bersama dan Ketua Perunding eOneNet.com dan MegaWebsiteBuilder.com. Sebelum ini beliau merupakan seorang peguam di Hong Kong selama 10 tahun. Beliau adalah seorang *'Senior Internet Marketing Coach'* yang telah melatih lebih dari 30,000 orang di Asia dan telah memberi ceramah di pelbagai seminar antarabangsa sejak tahun 2000. eOneNet.com merupakan entiti bisnes yang pertama menawarkan perkhidmatan *Internet Marketing Coach* di Asia, dan mempunyai beberapa pejabat wilayah di Hong Kong dan Singapura.

#### Sorotan Pembentangan

Pembentangan berkisar tentang bagaimana ingin menjadikan e-dagang sebagai jenama kepada produk dan servis yang ditawarkan melalui media sosial serta strategi "*search engine optimisation*".



### Ir. Aziz Ismail

Ketua Pegawai Eksekutif  
Authentic Venture Sdn Bhd

Beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Authentic Venture Sdn Bhd, sebuah syarikat berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi bertaraf MSC. Terlibat dalam membangunkan sistem penyelesaian dan aplikasi untuk kerajaan dan enterprais seperti pengurusan enterprais, pengurusan perhubungan pelanggan dan sistem pembangunan usahawan. Beliau merupakan ahli majlis bagi New Entrepreneur Forum (NEF) dan Pengerusi Jawatankuasa ICT bagi Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia. Beliau pernah menjawat beberapa jawatan penting dalam beberapa syarikat antarabangsa.

#### Sorotan Pembentangan

Sebagai seorang yang berpengalaman luas dalam teknologi ICT, beliau akan membentangkan kaedah melaksanakan e-dagang dan elemen-elemen yang akan menjadikan e-dagang anda dikenali. Penerangan mengenai produk dan servis yang boleh ditawarkan akan diberi, begitu juga cara-cara untuk membina kedai *online* sekaligus mengiklankannya.



### Pn. Dayang Lily Maznah Abang Muas

Pengarah Urusan  
Ummiku Sayang Sdn Bhd

Mempunyai pengalaman mengendalikan perniagaan melalui e-dagang lebih dari 8 tahun. Beliau merupakan pengasas ummikusayang.com sebuah laman web perniagaan *online* terkemuka di Malaysia. Pn. Dayang Lily juga banyak menganjurkan ceramah, bengkel dan pembentangan mengenai pelaksanaan e-dagang dalam perniagaan. Di samping itu, beliau juga memberikan latihan dan rundingcara kepada usahawan mengenai e-dagang dan 'Bekerja dari Rumah'. Beliau merupakan penerima Anugerah *'Best Tele-Working Mother Award'*.

#### Sorotan Pembentangan

Beliau akan berkongsi pengalaman dan kejayaan beliau menjayakan ummikusayang.com. Bermula secara kecil-kecilan dengan pelaburan minimum, namun terbukti perniagaannya boleh bertahan malah terus berkembang. Peserta berpeluang mendengar pengalaman dan pandangan Pn. Dayang Lily menjana pendapatan tinggi yang pada mulanya dengan bekerja dari rumah dengan modal yang rendah.

## BORANG PENYERTAAN

# SEMINAR DAN PAMERAN SISTEM PENYELESAIAN ELEKTRONIK 2010

16 MAC 2010 (SELASA) | GRAND DORSETT SUBANG HOTEL  
8.30 pagi – 5.00 petang

**BUTIRAN PENYERTAAN** (Sila tandakan (✓) pada petak yang berkaitan)

Peserta seminar  Pelawat pameran

Syarikat: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Tel: \_\_\_\_\_ Faks: \_\_\_\_\_

Website: \_\_\_\_\_

Bil	Nama Peserta	Jawatan	E-mel	No. telefon bimbit

Sektor:  Perkhidmatan, sila nyatakan: \_\_\_\_\_

Perkilangan, sila nyatakan: \_\_\_\_\_

Pertanian

Kerajaan

Pegawai yang meluluskan: \_\_\_\_\_ Tandatangan: \_\_\_\_\_

Sila lengkapkan borang ini dan hantar/faks ke:

Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)  
P.O. Box 64, Jalan Sultan  
46904 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: 03-7955 7266  
Faks: 03-7957 8068 / 7954 7910  
(U/p: Pn. Hafizah Sith / Pn. Norashima Hamzah)

Cop Syarikat: